

Kawasan lapang MBBB dinaik taraf padang bola

JOHOR BAHRU - Kawasan lapang di bawah seliaan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) akan dinaik taraf menjadi padang bola berkualiti seiring fenomena kebangkitan pasukan Johor Darul Takzim (JDT).

Ketua Whip MBBB, Datuk Yahya Jaafar berkata, sebanyak 159 kawasan lapang telah dikenal pasti untuk dinaik taraf secara berperingkat dan 36 lokasi akan ditambah baik bagi peringkat permulaan projek.

Katanya, kerja-kerja naik taraf berkenaan membabitkan

penambahbaikan sistem perparitan dan menaik taraf standard rumput kepada jenis 'cow grass' yang sebelum ini turut digunakan di Stadium Larkin.

"Setakat ini kerja naik taraf telah dimulakan di di Jalan Padi Malinja 14, Bandar Baru Uda dan Permas Jaya.

"Projek menaik taraf di Bandar Baru Uda menelan kos kira-kira RM800,000 dan dijangka siap dalam tempoh terdekat," katanya selepas Mesyuarat MBBB, di sini, semalam.

Yahya berkata, kos menaik taraf setiap lokasi dijangka membabitkan perbelanjaan kira-kira RM400,000 namun bergantung kepada keluasan padang dan keperluan yang perlu dibaik pulih.

"Lokasi lain yang akan dinaik taraf termasuk di Taman Rinting, Taman Seri Tebrau dan Kampung Melayu Majidee.

"Inisiatif ini sejajar dengan Kejohanan Liga JBFA yang bakal dianjurkan tidak lama lagi selain menghidupkan semula sukan bola sepak," katanya.